

## Permohonan Penganugerahan Biasiswa Kerajaan dibukakan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bersama para pegawai Kementerian Pendidikan dalam Sidang Media menjelaskan mengenai Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. - Permohonan bagi sesi Akademik 2015 / 2016 bagi pengajian ke tahap Ijazah Sarjana Muda (Bachelors Degrees), Ijazah Sarjana (Masters Degrees), ikhtisas, dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dibuka kepada rakyat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pintar berwarna kuning yang memenuhi syarat-syarat Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas Negeri.

Pada Sidang Media yang berlangsung di bangunan Citis Square di sini, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz menjelaskan, Skim Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kapasiti tonaga manusia dalam pendidikan tinggi.

"Biasiswa kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, adalah khusus untuk pemohon-pemohon sebelum perkhidmatan (*pre-service*).

Umur pemohon-pemohon adalah tidak melebihi 26 tahun bagi Ijazah Sarjana Muda (Bachelors) dan 30 tahun bagi pasca Ijazah (*postgraduate*) pada 1 September 2015," ujarnya.

Syarat-syarat utama penganugerahan tersebut, jelasnya, termasuklah memperolehi kelulusan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, iaitu memperolehi minima kredit C6 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan BC-GCE 'O' Level; Minima Kredit C6 bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris BC-GCE 'O' Level atau Minima Gred C bagi mata pelajaran IGCSE English as a Second Language atau Minima Gred C bagi mata pelajaran General paper BC-GCE 'A' Level atau IELTS Overall Band minima 6.5 yang diperolehi tidak melebihi dua tahun kebelakangan.

Syarat-syarat akademik yang ditetapkan itu, ujarnya, adalah mengikut peringkat kursus yang dipohon.

Secara am, bagi Ijazah Sarjana Muda, terang Dr. Hajah Anita, pemohon hendaklah memperolehi salah satu kelulusan atau yang sebanding dengannya, iaitu 300 Universities and Colleges Admissions Service (UCAS) Tariff Points BC-GCE 'A' Level dalam sekali duduk dan hendaklah tidak kurang daripada Gred C; 32 mata International Baccalaureate (IB) Diploma; GPA 2.5

dari institusi tempatan atau tahap Distinction dari institusi luar negara bagi Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND); tahap Distinction bagi Advance Diploma (Level 5) dan tahap Distinction bagi Diploma (Level 4).

Bagi Ijazah Sarjana, tambahnya, pemohon hendaklah mencapai kelulusan minima 2:1 bagi Ijazah Sarjana Muda dan bagi Ijazah Doktoran Falsafah, pemohon hendaklah memperolehi kelulusan Ijazah Sarjana (secara *full time*).

"Kursus-kursus yang ditawarkan di bawah skim penganugerahan biasiswa ini adalah berdasarkan keperluan negara dan tidak ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan," tambahnya.

Timbalan Setiausaha Tetap menyatakan, antara kursus-kursus yang ditawarkan adalah termasuk dalam bidang Perubatan, Pertanian, Pergigian, Undang-Undang, Pendidikan Khas, Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (Building Services Engineering), Urban Design and Planning dan sebagainya.

"Adalah diharatkani bagi pelajar-pelajar biasiswa kerajaan untuk belajar di institusi-institusi pengajian yang teratas di dunia bagi melahirkan rakyat yang bukan sahaja berpengetahuan tinggi, malah akan dapat memainkan peranan yang signifikan dalam memerlukan perkembangan ekonomi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

negara," jelasnya.

Bagi memastikan kualiti graduan dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan, jelasnya, telah menetapkan penggunaan *world university rankings* yang berprestasi tinggi, iaitu sama ada QS World Rankings, Times Higher Education Rankings, atau Shanghai Jiao Tong University Rankings.

Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina menjelaskan, institusi tempat pengajian perlulah berkedudukan sama ada secara menyeluruh dalam Top 250 bagi Ijazah Sarjana Muda, Top 200 bagi Ijazah Sarjana dan Top 100 bagi Ph.D dalam salah satu *world university rankings* tersebut, atau di dalam Top 20 (Top 10 bagi pengajian Ph.D) jika mengikut bidang yang diberi dalam salah satu *world university rankings* tersebut ataupun US News and World Report Colleges Rankings yang terkini.

"Universitas dan program yang akan dipilih hendaklah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kehusinan (MKPK), Kementerian Pendidikan," jelasnya.

Sementara itu, tambahnya, mananya pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di Top 20 universiti mengikut kedudukan *world university rankings* di atas dalam bidang-bidang kepelruan negara, sama ada ditawarkan di institut pengajian tinggi tempatan atau luar negeri, akan diberi pertimbangan secara *case by case*.

Ketua Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Bagol pula mcnayatkan pemohon yang berhasrat untuk mengikut pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda bolchlah membuat permohonan secara online dengan melayari laman web [www.hecas.edu.bn](http://www.hecas.edu.bn) mulai 14 Mac 2015 hingga 6 April 2015 (bagi pusingan HECAS pertama), sementara tarikh bagi pusingan HECAS kedua akan dimaklumkan kemudian.

Manakala permohonan bagi peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktoran Falsafah, tambahnya, permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi dan melengkapkan borang yang boleh dimuat turun daripada [www.hecas.edu.bn](http://www.hecas.edu.bn)

lanan web [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn) atau didapati daripada Bahagian Biasiswa, Tingkat 5, Blok C, Kementerian Pendidikan mulai 1 hingga 31 Julai 2015.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada laman web [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn) atau melalui Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Dayang Hajah Anis Faizulzulan binti Haji Dzulkiflee pula berkata, setiap permohonan yang dibuat melalui HECAS ini juga dimestikan mengisikan satu permohonan dalam negeri, di samping permohonan bagi luar negeri.

Beliau menambah, pihak pengajian tinggi menyeru agar pemohon-pemohon juga akan dapat memohon di dalam negeri seperti di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Politeknik kerana pelbagai bidang telah pun ditawarkan di dalam negeri.

"Dalam hasrat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2035, pelbagai pelaburan telah pun dibuat untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi awam antaranya pengabsahuan kurikulum pembelajaran agar relevan dengan *employment market* dan relevan kepada perubahan global," ujarnya.

Skim Biasiswa Kerajaan dihasilkan untuk mendukung perancangan dan pembangunan tenaga manusia negara khususnya dalam bidang-bidang keperluan Negara, selain memupuk bakat (talent grooming) agar mereka akan menjadi tenaga kerja yang berdaya saing di peringkat global bagi pembangunan pesat masa depan Negara, selain sebagai insentif dan pengiktirafan pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi.

Negara Brunei Darussalam perlu mempelbagaikan ekonominya daripada bergantung kepada minyak dan gas dan dalam menuju ke arah ekonomi yang berteraskan *(knowledge-based)*, kerajaan sentiasa komited dalam memberikan pelaburan yang berterusan ke dalam institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

## Bimbingan Kelompok bagi pelajar hadapi PSR

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG,** Isnin, 16 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk terus memastikan para pelajar Tahun 6 mencapai sasaran sekurang-kurangnya 90 peratus mencapai gred A hingga C dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2017.

Bagi mendukung hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan melalui Unit Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah mengendalikan Program Bimbingan Kelompok PSR 2015 bagi sekolah-sekolah rendah yang terpilih di seluruh negara.

Bagi dasar ini, program telah diadakan di Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, dengan disertai oleh seramai lebih 30 pelajar Tahun 6 dari Sekolah Rendah (SR) Amo, SR Negalang, SR Semabat, SR Sultan Hashim Batu Apoi dan Sekolah

Rendah Rataie.

Semasa Bimbingan Kelompok tersebut, para pelajar diberikan bimbingan oleh para pegawai dari Unit Kaunseling dan Kerjaya, JSS secara berkelompok, di samping mengadakan aktiviti 'Harapanku' kepada pelajar-pelajar yang menghadapi PSR dan ibu bapa / penjaga.

Di samping mendukung hasrat kerajaan, program juga adalah untuk membimbing pelajar membina matlamat ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 74 peratus pelajar akan mencapai gred A hingga C dalam PSR 2015.

Selain itu, bimbingan seumpama ini diharaskan dapat membina budaya kerjasama di antara stakeholders, iaitu dalam kalangan pelajar, ibu bapa / penjaga, pendidik, pemimpin sekolah, komuniti masyarakat kampung, imam dan takmir masjid untuk sama-sama menuju ke arah mencapai sasaran berkenaan.



SEBAHAGIAN pelajar Tahun 6 yang menyertai Bimbingan Kelompok Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015 yang dikendalikan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah.

Bimbingan Kelompok untuk pelajar yang bakal menduduki PSR ini merupakan peringkat pertama daripada tiga format program yang

mana program akan diteruskan pada peringkat kedua, iaitu Kongsisama Kelompok untuk ibu bapa / penjaga dan peringkat ketiga pula ialah

ceramah motivasi dan aktiviti *recall* yang melibatkan pelajar, ibu bapa / penjaga, komuniti masyarakat kampung, imam dan takmir masjid.